

CERAMAH PERDANA BAKTI



ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menghadiri ceramah perdana bertajuk 'Ramadan, Datangmu Ku Tangisi Pergimu Ku Tangisi' anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Bangunan Bakti Siti Hasmah, Kuala Lumpur, semalam.

Selain Rosmah, yang juga Yang Dipertua Bakti, majlis tahunan itu turut dihadiri anak perempuannya, Nooryana Najwa Najib.

Kira-kira 300 tetamu terdiri daripada anggota Bakti, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam

(Puspanita), Badan Amal dan Kebajikan Angkatan Tentera (Bakat) serta Persatuan Keluarga Polis (Perkep) juga menghadiri majlis itu.

Ceramah berkenaan disampaikan oleh pensyarah kanan Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim.

■ **ROSMAH MANSOR** berbual bersama Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim selepas ceramah perdana di Bangunan Bakti Siti Hasmah, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA